

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 24 MEI 2025

AKHBAR : KOSMO

MUKA : 7
SURAT

PuTERA35 bukan sekadar hiasan fail dalam kabinet - Ahmad Zahid

PuTERA35 bukan sekadar hiasan fail dalam kabinet – Ahmad Zahid

PUTRAJAYA – Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berpandangan impak yang dijanjikan daripada Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35) masih belum dirasai oleh masyarakat.

Beliau yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah itu turut mempersoalkan sama ada agenda daripada pelan bagi memperkuuh kedudukan Bumiputera dalam ekonomi negara telah benar-benar digarap.

"Adakah impak yang dijanjikan sudah dirasai oleh masyarakat? Jika tanya saya, belum lagi PuTERA35 yang dihasilkan tidak boleh hanya menjadi hiasan dalam fail kabinet, tuan-tuan puan-puan.

"Ia adalah komitmen nasional untuk memperkuuh penyertaan, pemilikan dan penggunaan ekonomi oleh Bumiputera. Tepat jika komitmen ini tidak diterjemahkan kepada tindakan, maka kita hanya membazir masa dan kepercayaan rakyat," katanya sempena Sesi Permukiman Setahun Selepas Kongres Ekonomi Bumiputera (KEB) 2024 di Putrajaya semalam.

PuTERA35 yang dilancarkan pada 19 Ogos tahun lalu adalah



AHMAD ZAHID pada Majlis Sesi Permukiman Setahun Selepas Kongres Ekonomi Bumiputera 2024 di Putrajaya, semalam.

satu kerangka tindakan holistik untuk memperkuuh ekonomi bumiputera dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Susulan itu, Ahmad Zahid mahu satu anjakan serius dilakukan agar hasrat besar KEB dapat diterjemahkan menerusi 132 ikhtiar di bawah PuTERA35.

"Saya mahu ia diberikan ketamaman penuh dan mesti ada keberhasilan. Kita perlu garis masa yang jelas. Kita tidak boleh lagi terperangkap dalam retorik

tanpa kesudahan.

"Apabila saya melihat status pencapaian semasa saya dapat masih banyak yang belum digerakkan. Ini adalah dasar kerajaan jadi ia perlu menjadi kerangka utama bagi semua kementerian, bukan hanya Kementerian Ekonomi atau KKDW," ujarnya.

Justeru, beliau mengarahkan supaya Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) di setiap kementerian untuk menyelaras dan memantau pelaksanaan PuTERA35.



Scanned with CamScanner